

*Tatalaku Sosial dan Emosi Menerusi HOM  
dalam Kelas Bahasa Melayu*

**Erna Salamun**

erna\_salamun@moe.edu.sg

**Shafizah Wydiana Zailani**

Sekolah Menengah Hong Kah  
shafizah\_wydiana\_zailani@moe.edu.sg

*Abstrak*

Dewasa ini, pemberatan terhadap pencapaian akademik para pelajar Melayu peringkat menengah amat digalakkan sehinggakan terkadang tatalaku sosial dan emosi atau *Social and Emotional Learning* (SEL) para pelajar kurang diberikan penekanan lantaran pelbagai isu yang perlu ditangani oleh guru dan pihak sekolah. Kajian ini meneliti kaedah penerapan nilai sosial dan emosi menerusi sembilan sifat *Habits of Mind* (HOM) atau kebiasaan berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran kerana kebiasaan berfikir ini merupakan hal yang penting bagi seseorang pelajar dalam menjalani kehidupannya. Teks-teks sastera yang sesuai dan aktiviti *Circle Time* yang disarankan dalam kajian ini pula merupakan instrumen sampingan bagi menerapkan keperibadian murni dalam diri pelajar. Dapatan kajian menunjukkan pelajar dapat memperbaiki bicara minda selain menerapkan nilai kehidupan yang mulia dan kebiasaan berfikir yang diterapkan dalam HOM.

**Kata kunci**

*Habits of Mind* (HOM), kebiasaan berfikir, SEL, *Circle Time*, Bicara Minda

## PENGENALAN

Pengenalan terhadap *Habits of Mind* (HOM) atau juga boleh dikenal pasti sebagai kebiasaan berfikir telah mula diterapkan dalam proses pembelajaran dan pengajaran di Sekolah Menengah Hong Kah (SMHK) sejak tahun 2012.

Pada tahun 2011, perbincangan tuntas telah dilakukan untuk meletakkan kebiasaan berfikir atau HOM ini dalam pengajaran dan pembelajaran di SMHK. Pemerolehan tabiat ini dipercayai merupakan asas dalam membantu pelajar menjadi individu yang bijak secara holistik.

Antara tanggungjawab penting yang perlu para guru lakukan adalah melengkapkan pelajar-pelajar mereka dengan cara berfikir agar dapat bertindak dengan bijak apabila berhadapan dengan masalah dan ketidakpastian. Bagi pelajar yang dididik dalam abad ke-21 ini, ilmu sahaja tidak lagi menjadi penentu utama kejayaan dalam hidup. Para pelajar perlu dilengkapi dengan sifat-sifat mental iaitu kesungguhan dan keterbukaan kepada idea-idea baru. Para pelajar perlu diberi kuasa dan pilihan untuk bertindak berasaskan pengetahuan, bertanyakan soalan yang betul dan berfikir secara kritis apabila berhadapan dengan masalah.

Berbekalkan pengetahuan setelah mengikuti kursus-kursus berteraskan HOM yang bermula pada tahun 2012, didapati bahawa proses melentur pelajar agar menjadi seorang individu yang pintar dan berjaya secara mental dan fizikal bukanlah mudah. Pembelajaran dan pengajaran berasaskan HOM merupakan salah satu daripada aspek pembelajaran dengan menggunakan pembelajaran dan pengajaran berasaskan konteks atau situasi (*Contextual Teaching and Learning*) dan pembelajaran berasaskan pertanyaan (*Inquiry-Based Learning*).

Justeru, kajian ini dijalankan dengan menggunakan bahan-bahan simulasi seperti klip-clip video berbentuk motivasi dan petikan-petikan cerpen yang sesuai melalui strategi *Circle Time* (CT). Informasi daripada bahan-bahan simulasi ini dijadikan bahan perbincangan dan pengajaran. Pelajar-pelajar diberi kebebasan untuk turut serta dalam perbincangan atau meluahkan pendapat serta perasaan ketika aktiviti CT dijalankan. Guru bertindak sebagai pemudah cara dan significant adult atau orang dewasa yang berpengalaman yang dipercayai oleh pelajar. Dengan adanya kepercayaan terhadap guru, pelajar dapat merasakan bahawa luahan perasaan dan isi hati mereka berasas dan ada pihak yang mendengar keluhan hati mereka.

Senarai sembilan HOM yang digunakan turut disenaraikan dalam kajian ini. Melalui kajian ini, diharapkan bahawa HOM yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu akan menjadi suatu nilai hidup yang dapat disemai dalam diri pelajar agar mereka berupaya menjalani kehidupan yang lebih baik.

## PERNYATAAN MASALAH

Dalam perbincangan yang dijalankan dalam kalangan guru didapati bahawa ramai pelajar tidak bermotivasi dalam pembelajaran dan sering terlibat dalam masalah disiplin di sekolah mahu pun di luar sekolah. Guru mendapati bahawa banyak faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar ini bersikap sedemikian. Kurangnya motivasi dalam diri para pelajar turut menjejaskan pencapaian akademik mereka secara amnya.

Kajian rambang telah dilakukan di dalam kelas bagi mengenal pasti punca kurangnya motivasi pelajar. Kajian tersebut mendapati bahawa kebanyakan pelajar merasakan bahawa diri mereka keseorangan dan tidak mempunyai teman berbincang. Pada usia yang meningkat dewasa ini, pelajar segan atau sukar untuk meluahkan masalah kepada kaum keluarga terdekat. Maka, kebanyakan remaja yang dikenal sebagai *latchkey kids* atau kanak-kanak yang terbiar tidak menemui ruang untuk meluahkan masalah yang dihadapi. Lantaran akibat tertekan dengan pengaruh rakan dan tiadanya pantauan orang dewasa menyebabkan masalah ini semakin meruncing.

Guru-guru Bahasa Melayu di SMHK bersependapat bahawa pengajaran dan pembelajaran HOM harus diberikan keutamaan dalam kelas-kelas Bahasa Melayu dan bukan hanya dijalankan sewaktu kelas sivik dan moral sahaja bagi memberikan pelajar kemahiran untuk menangani masalah yang mereka hadapi.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti:

1. keberkesanan pengajaran Habits of Mind (HOM) dalam menerapkan nilai sosial dan emosi dalam diri pelajar; dan
2. keberkesanan pengajaran HOM dalam meningkatkan keyakinan diri seseorang pelajar bagi tujuan memupuk keperibadian yang lebih baik dalam diri pelajar; dan

## KAJIAN LITERATUR

Menurut Costa dan Kallick (2008), *'to put habits of mind as an internal compass to guide their thoughts, decision and action in their school learning as well as their daily lives.'* Ini bererti bahawa kebiasaan berfikir sebagai panduan utama untuk membimbing pemikiran, membuat keputusan dan tindakan dalam pembelajaran di sekolah mahupun dalam kehidupan seharian. Kebiasaan berfikir ini adalah kerangka atau pola kognitif yang berguna sebagai pedoman seseorang dalam berfikir, bertindak dan membalas tindak dalam sesuatu situasi, baik dalam konteks pembelajaran di sekolah mahupun di lingkungan sehariannya. Perilaku sedemikian dapat dilakukan dengan mudah tanpa konsentrasi khusus kerana adanya keterbiasaan.

Menurut Mok Soon Sang (2010), para pelajar harus mempunyai kecerdasan intelek untuk menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran hidup, dan seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan harian mereka. Dalam erti kata lain, kecerdasan intelek merupakan faktor utama yang menentukan kejayaan hidup seseorang individu.

Malah faktor ini diperkukuhkan oleh Sternberg (1984), yang menerangkan bahawa kecerdasan intelek merupakan hasil keupayaan memproses maklumat kognitif oleh otak manusia sekaligus merupakan asas semua kecerdasan tingkah laku.

Menurut Shari Tishman (2000), dalam *'Why Teach Habits of Mind?'*, para pendidik kini lebih mengutamakan kemahiran berasaskan individu dan keupayaan (*person-centered skills and abilities*) yang merangkumi tingkah laku, motivasi, emosi dan elemen-elemen lain yang lazimnya dikecualikan daripada keutamaan berkemahiran menurut pandangan pembelajaran yang berasaskan kemahiran (*skill-centered view of learning*). Malah dalam kajian tersebut, ciri-ciri HOM yang disebut turut memberi keutamaan kepada kebolehan seseorang untuk membuat pilihan yang tepat dalam menerajui tingkah laku intelektual daripada mementingkan kemahiran semata-mata.

Selain itu, seperti yang diketahui umum, kebolehan dalam bidang akademik menjadi keutamaan semua, baik ibu bapa mahupun pelajar. Namun, kejayaan dalam bidang akademik sahaja tidak memperlihatkan keperibadian yang elok dan kawalan diri yang tinggi. Pelajar memerlukan kebiasaan berfikir dan perlu meluaskan himpunan metakognitif agar menjadi pelajar yang dapat menyesuaikan diri untuk menyelesaikan masalah dalam dunia sebenar.

Dalam kajian yang bertujuan untuk menerapkan nilai sosial dan emosi dalam diri pelajar-pelajar melalui HOM, pengkaji perlulah sedar bahawa pengajaran sosial, emosi dan kemahiran tingkah laku bukanlah suatu yang mudah seperti yang disentuh oleh Marianna Csoti (2009). Namun ia merupakan suatu yang integral dan penting dalam memaksimumkan personaliti dan potensi seseorang pelajar.

Justeru, dengan berpandukan kajian yang dilakukan oleh Ian Morris (2009), kajian ini seolah diberikan anjakan paradigma apabila pengkaji menyedari bahawa pengajaran tentang kebahagiaan dan kesejahteraan ibarat percubaan untuk menjadikan suatu situasi yang harmoni apabila seseorang menunggang seekor gajah. Situasi berupa kiasan metafora ini akan memaksa si penunggang gajah turut memikirkan tentang kepayahan 'menggenderai' gajah tersebut. Serupa juga dengan situasi di mana seseorang perlu melalui pengalaman hidup yang sukar sebelum menemui kebahagiaan.

Strategi kognitif yang disentuh ini tidak akan lengkap tanpa kesedaran bahawa perlunya kajian ini turut meneliti penerapan nilai sosial dan emosi dalam diri pelajar. Seperti yang disentuh oleh Mok Soon Sang (2010), komponen sosial merupakan satu komponen utama di bawah Kompetensi Kecerdasan Emosi.

Dalam Teori Emosi James-Lange, Willaim James (1884) mencadangkan bahawa teori emosi masih berpengaruh sehingga ke hari ini. Carl Lange (1885) pula mencadangkan bahawa pengalaman kesedaran emosi adalah hasil penggiatan automatik (*arousal*) daripada persepsi individu. Jelaslah bahawa emosi memainkan peranan yang penting sebagai 'pengarah' minda di bawah kesedaran (*subconscious*) kepada perhatian kita yang wujud sebelum perasaan ditunjukkan.

Dalam pada itu, Kecerdasan Emosi turut merujuk kepada integrasi emosi dengan struktur kognitif dalam personaliti individu. Intipati Kecerdasan Emosi harus mengandungi aspek sendiri dan aspek sosial. Contohnya dalam Rajah 1.

**Rajah 1: Kerangka Kompetensi Kecerdasan Emosi**

Kompetensi Kecerdasan Emosi	
Aspek Kendiri	Aspek Sosial
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesedaran emosi sendiri</li> <li>• Pengurusan/Kawalan emosi sendiri</li> <li>• Motivasi sendiri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran empati</li> <li>• Kemahiran sosial</li> </ul>

Melalui Rajah 1, jelaslah bahawa aspek sosial seorang individu ini boleh dikenal pasti daripada tingkah laku dan ekspresi individu itu berdasarkan kompetensi kecerdasan yang merangkumi empati, membangunkan individu lain, kesedaran organisasi, berorientasi perkhidmatan, dan melayani kepelbagaian. Kemahiran sosial individu tersebut, ditambah-nilai dengan adanya kemahiran dalam aspek-aspek tingkah laku sosial seperti kemahiran berkomunikasi, pengaruh, menggerakkan perubahan, menguruskan konflik, membina hubungan, memimpin dengan beraspirasi, dan bekerja berpasukan sambil berkolaborasi.

## KAEDAH KAJIAN

Aktiviti perbincangan atau perkongsian HOM dijalankan sekurang-kurangnya sebulan sekali atau dua kali dalam sebulan bergantung kepada keperluan dan kepentingan ianya dilakukan. Contohnya, perancangan dibuat agar pelajar dapat turut meluahkan perasaan atau berkongsi pendapat mereka dalam masa-masa genting seperti dalam musim peperiksaan atau sebelum akhirnya penggal pertama persekolahan. Namun ada kalanya aktiviti HOM ini perlu disegerakan bergantung kepada keruncingan masalah yang berlaku di sekolah sehinggakan menunjukkan bahawa pelajar perlu segera duduk dalam bulatan perbincangan untuk meluahkan hal-hal yang terpendam.

Kaedah kajian secara ringkas yang disertakan termasuk aktiviti-aktiviti berikut:

1. *Circle Time* (CT);
2. Borang Maklum Balas *Assessment for Learning* (AFL); dan
3. Senarai Semak (bergantung kepada HOM yang tertentu).

Apa yang menarik ialah penerapan aktiviti CT yang juga dikenali sebagai masa perbincangan secara berkumpulan. Kaedah ini digunakan secara meluas di sekolah-sekolah di seluruh UK. Di sekolah-sekolah rendah Scotland, guru-guru beserta pelajar menggunakan kaedah ini dengan kerap dan ia mula diperkenalkan ke sekolah-sekolah menengah. Ia adalah masa yang istimewa untuk berkongsi fingerplays, dikir dan puisi, lagu, bermain alat irama, membaca cerita, dan mengambil bahagian dalam permainan pergerakan dan aktiviti bersantai. Semasa aktiviti CT dijalankan, semua pelajar harus duduk berkeliling dan terlibat dalam perbincangan.

CT ini menyediakan masa untuk mendengar, membangunkan perhatian individu, menggalakkan komunikasi lisan, dan pembelajaran konsep dan kemahiran baharu dalam kalangan pelajar. Ia adalah masa untuk menilai memori secara auditori, pengalaman deria, bersosialisasi, dan masa untuk berseronok.

CT itu juga boleh menjadi kompleks interaktif, dan dinamik dalam kalangan orang dewasa dan kanak-kanak. Guru boleh memastikan masa berkumpul lebih berkesan dan menyeronokkan bagi semua yang terlibat. Ia juga dapat menyelesaikan masalah dalam kumpulan sosial dan penyelesaian tertumpu kepada pendekatan bersifat terapeutik.

## SUBJEK KAJIAN

Subjek kajian terdiri daripada kesemua pelajar-pelajar Bahasa Melayu SMHK aliran Bahasa Melayu Lanjutan, Ekspres, Normal Akademik dan Normal Teknikal, khususnya pelajar menengah 1, 2 dan 3. Namun terdapat keterbatasan apabila adanya sekumpulan kecil pelajar-pelajar Normal Teknikal yang tidak gemar mengikuti kegiatan perbincangan seperti ini. Maka sedikit perubahan pendekatan dilakukan bagi kelas-kelas berikut. Bagi pelajar menengah 4 dan 5 pula, isi perbincangan tertumpu kepada isu-isu yang mencabar kematangan pemikiran pelajar seusia mereka.

## INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen bagi kajian ini adalah aktiviti-aktiviti CT yang telah dirancang bagi setiap HOM. Dalam aktiviti-aktiviti ini, video-video yang sesuai dengan setiap HOM turut dipaparkan bagi tujuan perbincangan seperti dalam senarai berikut:

No.	Habits of Mind	Dalam BM	Pautan Youtube
1	<i>Persisting</i>	Tidak Kenal Erti Putus Asa - Pantang Menyerah	A. <a href="https://www.youtube.com/watch?v=Yabb326D_Fs">https://www.youtube.com/watch?v=Yabb326D_Fs</a> (Motivasi Kejayaan dalam Sophie: Jangan Cepat Berputus Asa) B. <a href="http://www.youtube.com/watch?v=UH943Az_IPQ">http://www.youtube.com/watch?v=UH943Az_IPQ</a> (Father Runs Triathlon with Son in Tow.)
2	<i>Managing Impulsivity</i>	Mengatur dan Menyaring Tindakan	A. <a href="https://www.youtube.com/watch?v=KSMnd874FBw">https://www.youtube.com/watch?v=KSMnd874FBw</a> (Great Love of a Deaf and Dumb Daddy)
3	<i>Creating, Imagining, &amp; Innovating</i>	Kreatif, Dapat Membayangkan dan Berinovasi	A. <a href="http://www.youtube.com/watch?v=hBH_7AXs4uc">http://www.youtube.com/watch?v=hBH_7AXs4uc</a> (Video Yang Sangat Kreatif) B. <a href="http://www.youtube.com/watch?v=XovNU_fIP-E">http://www.youtube.com/watch?v=XovNU_fIP-E</a> (Video Pedagang Gulali yang Kreatif dan Berimajinasi Tinggi)

4	<i>Questioning &amp; Problem Solving</i>	Saling Bertanya dan Menyelesaikan Masalah	A. <a href="http://www.youtube.com/watch?v=ab71Yrigx7k">http://www.youtube.com/watch?v=ab71Yrigx7k</a> (Effective Questioning Techniques)
5	<i>Precision of Language &amp; Thought</i>	Ketepatan Berbahasa dan Berfikir	A. <a href="http://www.youtube.com/watch?v=VpH5EHEFIU">http://www.youtube.com/watch?v=VpH5EHEFIU</a> (Funny Language Translator)
6	<i>Thinking Interdependently</i>	Saling Bersandarkan Pemikiran	A. <a href="http://www.youtube.com/watch?v=JslKv46Lwnw">http://www.youtube.com/watch?v=JslKv46Lwnw</a> (Seni Lukisan Pasir – Seorang Pesakit Barah)
7	<i>Listening with Understanding &amp; Empathy</i>	Mendengarkan Orang Lain	A. <a href="http://www.youtube.com/watch?v=keTlY4rrm74">http://www.youtube.com/watch?v=keTlY4rrm74</a> (Kindness Boomerang – Empathy and Caring)
8	<i>Taking Responsible Risks</i>	Mengambil Risiko dan Tanggungjawab	A. <a href="http://www.youtube.com/watch?v=eGQc2OQSJGk">http://www.youtube.com/watch?v=eGQc2OQSJGk</a> (Taking responsible risks) B. <a href="http://www.youtube.com/watch?v=U8PyJwpEaA0">http://www.youtube.com/watch?v=U8PyJwpEaA0</a> (The importance of taking risk)
9	<i>Thinking about your Thinking (Metacognition)</i>	Berfikir tentang Pemikiran	A. <a href="http://www.youtube.com/watch?v=mVE21QhY-II">http://www.youtube.com/watch?v=mVE21QhY-II</a> (Brief Intro To Metacognition)

Seperti yang telah diperkatakan sebelumnya, dalam kajian ini, borang-borang maklum balas Assessment for Learning (AFL) serta senarai semak HOM turut digunakan agar guru-guru dapat memahami pemikiran pelajar-pelajar setelah perbincangan dengan contoh-contoh video dan petikan-petikan cerpen yang sesuai digunakan dalam aktiviti-aktiviti ini.

## PROSEDUR KAJIAN

Sebelum kajian ini dilakukan satu rancangan pengajaran yang umum dilakarkan terlebih dahulu agar dapat digunakan. Rancangan pengajaran ini perlu disesuaikan bergantung kepada topik-topik perbincangan HOM yang dijalankan.

Pelajar-pelajar dikehendaki menyusun kerusi dalam bentuk bulatan agar ruang ditengah-tengah kosong untuk aktiviti selanjutnya.

### Induksi

Contohnya bagi topik pertama: iaitu Persistence (Sifat Pantang Menyerah), pelajar-pelajar diberikan suatu cabaran untuk berdiri dengan menggunakan satu kaki di belakang kerusi masing-masing dan tidak boleh memegang bahu rakan atau benda-benda disekeliling mereka. Masa yang diberikan selama 15minit, pelajar



digalakkan berdiri selama 15 minit, mereka yang tidak dapat bertahan dibolehkan untuk duduk di kerusi di hadapannya. Pada akhir aktiviti ini, guru bertanyakan perasaan pelajar tentang perasaan mereka yang tidak mencuba sedaya upaya untuk bertahan selama 15 minit.

### Langkah 1

Perbincangan berkaitan dengan sifat *Persistence* diteruskan. Guru akan menerangkan isu tentang perlunya seseorang melalui sedikit cabaran dalam perjalanan mencapai kejayaan.

Perkara-perkara berikut turut dibincangkan:

- a. Kepentingan menetapkan matlamat.
- b. Perlunya seseorang mempunyai perasaan ingin terus mencuba untuk mencapai kejayaan.
- c. Pelajar juga perlu tahu kekuatan dan kelemahan masing-masing.
- d. Sokongan daripada rakan, akan membantu pelajar dalam memotivasikan diri sendiri.

### Langkah 2

Guru menayangkan klip video pertama: Motivasi Kejayaan dalam Sophie: Jangan Cepat Berputus Asa. Kemudian, perkongsian pendapat secara bulatan dilakukan. Guru sebagai moderator / fasilitator memastikan tiada pelajar yang menindas atau memperkecilkan pendapat rakan yang sedang berbicara. Peraturan berkongsian di dalam bulatan seringkali ditekankan, iaitu saling bergantian dalam meluahkan pendapat atau perasaan.

### Langkah 3

Guru merangkumkan sesi penutup bagi aktiviti tersebut dengan mengadakan sesi soal jawab Pelajar dikehendaki mengisi borang-borang maklum balas serta borang AFL yang diberikan.

### Aktiviti Susulan (berkaitan dengan Bahasa Melayu)

Secara individu, pelajar menulis jurnal refleksi dalam Bahasa Melayu dengan mengikut rumusan 321. Iaitu menjawab soalan-soalan berikut:

#### **Contoh: Borang Refleksi Individu**

1. Nyatakan 3 perkara yang saya pelajari tentang HOM ini.
2. Nyatakan 2 perkara yang akan saya lakukan untuk mengawal diri dan Tidak Mengenal Erti Putus Ada (*Persistence*)

3. Nyatakan 1 perkara yang akan saya kongsi dengan rakan / kaum keluarga tentang sifat Tidak Mengenal Erti Putus Asa (*Persistence*).

### **Refleksi Jurnal**

1. Pelajar menulis jurnal berdasarkan soalan-soalan berkaitan yang diberikan bergantung kepada ciri-ciri HOM yang dibincangkan.
2. Hasil penulisan pelajar akan dinilai mengikut rubrik skema peperiksaan yang sesuai dengan Bahagian 1 dalam Kertas 1 (e-mel, blog, jurnal).

### **Refleksi Pemahaman**

1. Pelajar membaca petikan-petikan cerpen yang bersesuaian dengan topik HOM.
2. Pelajar dikehendaki mengaplikasikan pemahaman terhadap cerpen yang dibaca dalam penulisan jurnal.
3. Soalan-soalan pemahaman yang bersesuaian dikaitkan dengan cerpen-cerpen pilihan yang diberi.

Melalui keempat-empat langkah yang disebut, pengkaji telah mengumpulkan hasil-hasil kerja pelajar serta borang maklum balas AFL yang menunjukkan dapatan yang memberangsangkan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Melalui respons dan jawapan yang diberi oleh pelajar dalam tinjauan serta senarai semak AFL, 95% pelajar bersetuju bahawa pengajaran serta perbincangan berasaskan HOM ini telah dapat membantu mereka dalam mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari dalam aktiviti seharian mereka.

Seramai 80% pelajar turut bersetuju bahawa pengajaran dan perbincangan berasaskan HOM dalam Bahasa Melayu lebih mudah diterapkan dalam diri mereka kerana lebih banyak perkara yang dapat dikaitkan dengan unsur nilai sosial dan emosi pelajar-pelajar berbangsa Melayu khususnya. Apatah lagi, nilai-nilai ini menyentuh keperibadian mereka dalam merealisasikan kesantunan diri orang Melayu.

Sepanjang kajian ini dilakukan, matlamat untuk menjadikan guru sebagai penanda significant adult telah turut dicapai. Kerjasama guru dan pelajar dalam mengendalikan aktiviti HOM serta isu-isu yang disentuh dalam jurnal-jurnal pelajar

menekankan bahawa secara tidak langsung, guru telah berjaya menyentuh pemikiran pelajar agar merubah tanggapan negatif kepada positif, menjadikan pelajar lebih yakin diri dalam mengawal emosi dan pemikirannya, serta menjadi pelajar yang yakin diri untuk bertutur dalam Bahasa Melayu.

Walaupun bagaimanapun dalam keterbukaan memaparkan dapatan kajian yang dilakukan sejauh ini, dapatan lengkap akan dianalisis dengan sepenuhnya kelak.

## **KESIMPULAN**

Jurnal-jurnal hasil tulisan pelajar secara tidak langsung telah dapat membolehkan guru-guru melihat daripada persepsi diri seorang pelajar. Masih banyak yang perlu dipertingkatkan dalam pengajaran dan pembelajaran berkaitan isu-isu yang disentuh. Malah guru-guru sebulat suara bersetuju bahawa masih terdapat pelbagai kaedah yang boleh dicuba demi mencapai matlamat yang ditetapkan.

Niat utama untuk menerapkan nilai-nilai sosial dan emosi dalam diri pelajar agar menjadi individu yang matang dan mempunyai keperibadian yang murni tidak semestinya dapat dikecapi walaupun dengan adanya dapatan-dapatan bersifat positif seperti yang telah dikumpulkan. Malah perkara ini seringkali diharap telah dapat membantu pelajar berganjak daripada bermimpi di siang hari. Apa yang pasti guru-guru telah berjaya membuat segelintir pelajar yang pendiam dan sering menyendiri, untuk ke hadapan dan berkongsi pendapat dan pengalaman peribadi mereka agar dijadikan tauladan rakan-rakan sebaya.

Akhir kata, kajian ini walaupun masih diperingkat pertengahan, telah dapat mengemukakan dapatan yang memberikan pengukuhan agar guru-guru terus berusaha memperbaiki pengajaran dan pembelajaran khususnya untuk para pelajar.

### *Nota*

Guru-guru tersebut turut menjayakan kajian yang dijalankan.

1. A Sri Devi Arumugam
2. Norazila Razali
3. Nur Ain Borhan
4. Nuriskandar Mohd Kassim
5. Siti Raihana Ismail

## RUJUKAN

- Arthur L. Costa (2008). *Habits of Mind Across the Curriculum: Practical and Creative Strategies for Teachers*. United States: Julie Houtz.
- Arthur L. Costa (2000). *Activating and Engaging*. United States: Julie Houtz.
- Ian Morris (2009). *Teaching Happiness and Well-Being In Schools: Learning to ride elephants*. New York: Continuum International Publishing Group.
- Marianna Costi (03-10-2009). *Developing Children's Social, Emotional and Behavioural Skills*. PDF e-Book. New York: Continuum International Publishing Group.
- Mok Soon Sang. (2010). *Kecerdasan Emosi*. Kuala Lumpur: Percetakan Sentosa Sdn. Bhd
- Shari Tishman (2000). *Why Teach Habits of Mind?* in *Discovering and Exploring Habits of Mind*, ed. Arthur L. Costa and Bena Kallick (Alexandria, VA: ASCD, 2000), 41-52.
- Sternberg, R.J. (1984). *How can we teach intelligence?* *Educational Leadership*, 42, 38-50.